



MUKA HADAPAN

ARKIB : 01/03/2007

Sasaran kenaikan 3% dalam peperiksaan gagal

Oleh Norizan Abdul Muhid

GENTING HIGHLANDS 28 Feb. – Sasaran Kementerian Pelajaran supaya setiap sekolah rendah dan menengah mencapai peningkatan tiga peratus dalam keputusan peperiksaan utama pada setiap tahun tidak menjadi kenyataan.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr. Ahamad Sipon berkata, masih banyak sekolah gagal memenuhi sasaran tersebut biarpun tiga peratus yang ditetapkan bermula tahun lalu dianggap sangat mudah untuk dicapai.

Menurutnya, keadaan itu disebabkan oleh sikap pihak sekolah yang mengambil mudah dan bersikap selesa dengan tahap pencapaian pelajar mereka.

‘ ‘ Saya tidak berpuas hati dengan pencapaian sekolah sekarang, walaupun ada juga sekolah yang melepassi peratus tersebut namun bilangan sekolah yang gagal mencapai sasaran adalah lebih besar.

‘ ‘ Sasaran yang ditetapkan sangat mudah, saya tidak puas hati kerana banyak sekolah gagal mencapai matlamat ini,’ ’ katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyampaian Sijil Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan di Institut Aminuddin Baki di sini, hari ini.

Kata Ahamad, kementerian itu tidak wajar dipersalahkan jika sasaran itu gagal dicapai kerana pelbagai usaha telah dilakukan bagi membantu pihak sekolah merealisasikan hasrat tersebut.

‘ ‘ Guru jangan mudah merasa selesa dengan pencapaian mereka, jika ada seorang murid yang gagal, janganlah anggap keadaan tersebut sebagai satu lumrah,’ ’ katanya.

Bagi memastikan sasaran itu menjadi kenyataan pada masa depan, pihaknya menggesa pihak sekolah agar lebih bijak mengatur strategik dan berusaha keras bagi memastikan pencapaian pelajar meningkat.

‘ ‘ Saya mahu semua guru mewujudkan rasa benci kepada kegagalan setiap kali muridnya gagal dalam subjek, kita tidak mahu mereka merasakan gagal itu perkara lumrah.

‘ ‘ Sekiranya perasaan itu dibiarkan, profesional perguruan akan berada dalam keadaan sukar pada masa depan,’ ’ katanya.

Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0301&pub=utusan_malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_06.htm#ixzz2vo2jYSN7

© Utusan Melayu (M) Bhd